

# Matrix beli tanah RM460j di MVV 2.0

Oleh ZAKKINA WATI AHMAD  
TARMIKI

**SEREMBAN** – Matrix Concepts Holdings Bhd. (Matrix Concepts) melalui anak syarikatnya, N9 Matrix Development Sdn. Bhd. (N9 Matrix) telah membeli tanah seluas kira-kira 559 hektar di Lembah Wawasan Malaysia (MVV) 2.0 dengan nilai RM460 juta.

Perjanjian pembelian itu di-meterai dengan NS Corporation (NS Corp.) yang merupakan pemilik pelan induk utama MVV 2.0 itu.

Pengerusi Matrix Concepts, Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin berkata, ia adalah perjanjian pembelian tanah terbesar di negara ini daripada segi saiz dalam tempoh lebih lima tahun.

"Pembelian ini akan meningkatkan secara positif simpanan tanah sedia ada Matrix Concept dan seterusnya mengukuhkan kedudukan syarikat itu dalam bidang harta tanah di Negeri Sembilan sekali gus mengekalkan pertumbuhan pendapatan untuk



MOHAMAD HASLAH (tiga dari kanan) bersama Pengerusi NS Corp., Datuk Dr. Mohamad Rafie Ab Malek (tengah) pada majlis menandatangani perjanjian antara dua Kumpulan tersebut di Seremban semalam.

jangka panjang.

"Pemerolehan itu akan dibayai melalui dana dan pinjaman

yang dijana secara dalaman dan akan tertakluk kepada kelulusan pemegang saham.

"Matrix Concept merancang untuk membangunkan sebuah perbandaran yang mampan den-

gan nilai pembangunan kasar RM7 bilion sama seperti pembangunan kawasan Sendayan yang telah memenangi pelbagai anugerah yang hanya terletak tiga kilometer dari tanah yang dibeli tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian antara dua syarikat tersebut di sini semalam.

Mohamad Haslah berkata, melalui projek tersebut, ia akan memberi peluang kepada Kumpulan untuk menjadi salah satu pemain utama industri harta tanah bagi meningkatkan pembangunan sosioekonomi.

"Matrix Concepts menyasarkan untuk memperkenalkan komponen perhotelan, pendidikan, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan sokongan di perbandaran itu.

"Ia dijadualkan dibangunkan dalam tempoh 10 tahun dengan pelancaran harta tanah pertama dijangka dalam masa tiga tahun lagi," ujarnya.